

# Kayu ukur integriti penjawat awam

**A**pabila Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor Datuk Mohamed Khusrin Munawi yang disertai Unit Integriti SUK 'menangkap' beberapa penjawat awam yang sedang makan dan membeli-belah dalam waktu bekerja, pelbagai reaksi yang penulis terima.

Lawatan turun padang itu dilakukan beliau pada 13 Februari 2015 di Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang menempatkan banyak pejabat kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan kepada rakyat.

Ada yang mengatakan, memang sewajarnya sesekali pengurusan tertinggi turun ke bawah melihat sendiri apa yang berlaku dalam organisasinya. Ada pula yang berasakan tindakan pemeriksaan mengejut itu tidak perlulah sampai tahap dilakukan oleh seorang SUK, cukuplah peringkat pegawainya saja.

Selain itu, ada juga berpendapat, apa perlunya tindakan begitu dilakukan kerana yang tidak berdisiplin itu hanyalah segelintir, tidak pun menggugat keutuhan organisasi. Malah, ada yang bersikap tidak mengapa atau tidak peduli, kerana menurut mereka semanganya daripada dulu, sektor awam dikenali dengan pekerjaanya banyak masalah disiplin, lambat mengambil tindakan, sambil lewa dan lembap tetapi sektor itu tetap diperlukan, relevan dan menjadi sandaran rakyat jelata dalam segenap kehidupan.

Jadi, apapun diperkatakan mengenai perkhidmatan awam, sektor itu tetap dilihat penting, berkuasa dan memiliki wibawa tertentu yang diperlukan orang ramai.

Tanpa bertujuan mengaibkan mana-mana organisasi, sekali-sekala tinjaulah ke kedai makan, warung, kafeteria atau restoran yang terdapat pejabat kerajaan berhampiran dengannya. Berkunjunglah sekitar jam 8 pagi, waktu seharusnya semua penjawat awam berada di pejabat atau tempat kerja masing-masing.

Biasanya akan dapat beberapa orang yang kita tahu mereka penjawat awam sedang menikmati sarapan walaupun rekod kedatangan sudah pun dirakam lebih awal.

Barangkali penjawat swasta juga ada dalam premis berkenaan tetapi fokus tulisan ini kepada penjawat awam.

Sesekali penulis membuat pe-

merhatian ketika bercuti rehat. Antara pengalaman penulis, pada satu hari, jam 8.30 pagi, penulis singgah di sebuah kedai makan terletak berhampiran selekoh jalan besar. Di samping pelanggan lain, terdapat lima penjawat awam yang dikenali duduk mengelilingi meja makan. Kelihatan seperti mereka hampir selesai makan, tetapi masih berbual-bual sambil menghisap rokok dan menghabiskan minuman.

Seperti biasa penulis menegur bertanya khabar dan ada yang bertanya pula kepada penulis, "Encik Razak cuti ke? Biasa ke makan di sini?" dan macam-macam tegur sapa lagi.

Sengaja penulis bersarapan sehingga 45 minit untuk membuat pemerhatian. Maknanya penulis berada di situ sehingga jam 9.15 pagi. Sewaktu hendak meninggalkan kedai pun, lima penjawat awam itu masih tidak berganjak. Bayangkan sejak jam berapa mereka sudah berada di situ? Melintasi meja mereka, sengaja penulis lontarkan pertanyaan sindiran, "Cuti ke?" Hampir serentak mereka menjawab tidak dan bekerja tanpa kelihatan rasa bersalah.

## Sampaikan mesej

Walaupun mereka bukan staf sendiri, penulis menguatkan semangat untuk menyampaikan mesej penting kepada mereka. Penulis bertekad, berpatah balik, menarik kerusi dan duduk bersama mereka. Mereka agak gusar dan yang sedang merokok memadamkan rokok.

Penulis mulai bertanya setiap orang di jabatan atau bahagian mana mereka bekerja dan sudah berapa lama berkhidmat. Penulis sampaikan kepada mereka keperluan rasa bersyukur kerana diberi peluang bekerja dalam sektor awam yang stabil dan banyak kemudahan, sedangkan begitu ramai orang berharap dapat menjadi penjawat awam tetapi tidak berjaya.

Kita juga perlu berterima kasih kepada pembayar cukai yang membayar gaji kita. Justeru, kita harus berterima kasih dengan memberikan perkhidmatan yang ditentukan untuk disampaikan kepada orang ramai bukan pada tahap ala kadar tetapi yang terbaik. Penulis turut menekankan

konsep rezeki yang halal untuk diri dan keluarga. Mereka hanya berdiam diri, mengangguk-angguk dan menundukkan kepala.

Persoalan penulis mengapa gejala ini masih berlaku? Bukankah sektor awam Malaysia ada pelbagai dasar, peraturan, peruntukan undang-undang, pekeliling kerajaan, program, kempen dan latihan yang seharusnya membawa penjawat awam kepada peng-

hayatan profesionalisme sepenuhnya? Bahkan kita ada Institut Integriti Malaysia, Pelan Integriti Nasional, Akujanji, Ikrar Integriti, Dasar Penerapan Nilai Islam, Bersih, Cekap, Amanah dan perhimpunan bulanan jabatan misalnya. Bah-

kan kebelakangan ini di setiap organisasi kerajaan ditubuhkan pula Unit Integriti untuk mendidik, memantau dan memperkukuh nilai murni yang harus diperterguhkan perspektif dan keperibadian penjawat awam terhadap akauntabiliti, kejujuran, amanah dan ikhlas dalam alam pekerjaan dan kehidupan.

Ini pun kita baru berbicara mengenai kehadiran ketika waktu bekerja. Kita belum lagi menyentuh soal rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan sumber, penyelewengan, ketirisan maklumat kerajaan, pembaziran peruntukan, penggunaan masa di pejabat dengan 'berfacebook', 'berinstagram', menonton drama Korea, berniaga atas talian, tuntutan palsu, kronisme dan berbagai-bagai lagi. Maknanya selepas 58 tahun negara merdeka pun kita masih berbicara persoalan yang sama mengenai kepincangan dalam sektor awam.

Tanpa menafikan banyak lantikan dicapai, namun penulis percaya, pendidikan berterusan, kepemimpinan berteladan, penegakan keadilan dan kesaksamaan, pemantauan dalaman yang teliti, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, ketegasan terhadap yang melakukan kesalahan, melaksana langkah pencegahan dan penghayatan dalam setiap diri penjawat awam mengenai konsep ikhlas, pertanggungjawaban kepada Tuhan, halal dan haram adalah ramuan yang boleh mengangkat sektor awam semakin dihormati dan disanjung tinggi masyarakat.

**Penulis Timbalan Pengarah di Jabatan Canselori UKM**

**FAKTA**  
kebelakangan ini di setiap organisasi kerajaan ditubuhkan pula Unit Integriti